

Elak aktiviti pembakaran terbuka ketika musim panas

Kesan musim panas dan kering akibat daripada El Nino dan pengakhiran musim tengkujuh mengakibatkan negara mengalami suasana musim panas serta kering buat tempoh yang agak lama pada tahun ini.

Dengan jumlah hujan yang agak berkurangan serta suasana kering serta diikuti keadaan angin menyebabkan sebarang aktiviti pembakaran terbuka membawa kepada pencemaran alam sekitar, pada masa yang sama mengundang bahaya kepada keselamatan harta benda serta nyawa manusia.

Elak kejadian buruk

Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi mengelakkan sebarang aktiviti pembakaran terbuka, kerana ia boleh membawa impak negatif. Sebarang aktiviti pembakaran terbuka seperti aktiviti membakar sampah sarap, membuat unggun api semasa beriadah atau lain-lain aktiviti seumpamanya perlu dihindari bagi mengelakkan kejadian buruk berlaku.

* Berikutan cuaca kemarau dan kering yang sedang dihadapi di beberapa bahagian negara ini, dinasihatkan supaya perokok tidak membuang puntung rokok di merata-rata tempat yang boleh mengakibatkan kebakaran.

Golongan petani yang masih mengamalkan aktiviti pertanian tradisional juga perlu mengelakkan melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka ke atas sisa-sisa pertanian seperti jerami, padi, rumput kering dan seumpamanya.

Aktiviti pembakaran terbuka jika tidak dikawal boleh membawa akibat buruk seperti pembakaran kawasan hutan, tanah gambut, ladang serta boleh mengakibatkan jerebu seperti yang berlaku di beberapa buah negara termasuk Malaysia pada penghujung tahun yang lalu.

Kerjasama semua pihak

Oleh itu, pihak berkaitan seperti pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) hendaklah sentiasa aktif memantau dengan melancarkan Operasi Mencegah Kebakaran Terbuka di seluruh negara bagi memastikan tiada pihak mengambil mudah dengan isu pembakaran terbuka ini dalam negara kita.

Selain itu, orang ramai perlu diberi pendedahan serta didikan mengenai isu pembakaran terbuka ini pada setiap masa. Langkah penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas juga boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang masih berdegil melakukan aktiviti pembakaran terbuka dalam negara seperti peruntukan melalui Seksyen 29A & 29B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 147) di mana tindakan yang tegas terhadap pihak yang melakukan pembakaran terbuka boleh diambil iaitu hukuman denda sehingga RM 500,000 atau 5 tahun penjara.



Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).